



TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA
(PEMBANGUNAN)
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
Aras 16, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 603-8870 5071
Faks (Fax) : 603-8870 6808
Laman Web (Web) : <http://www.moe.gov.my>

Ruj. Kami: KPM.100-11/1/8 JLD 3 (17)
Tarikh : 27 Ogos 2018

**Semua Ketua Bahagian
Semua Pengarah Pendidikan Negeri**

Kementerian Pendidikan Malaysia

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**PENGGUNAAN E-MEL MyGovUC SEBAGAI E-MEL RASMI BAGI SEMUA
WARGA KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Untuk makluman YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan, penggunaan e-mel MyGovUC di peringkat KPM sebagai e-mel rasmi adalah diwajibkan penggunaannya. Arahan ini adalah berdasarkan Pekeliling Transformasi Pentadbiran Awam Bil. 3 Tahun 2017: Pengurusan Perkhidmatan Komunikasi Bersepadu Kerajaan (*Government Unified Communication (MyGovUC)*) yang dikeluarkan oleh MAMPU dan berkuatkuasa pada 3 Januari 2017 dan Surat Siaran Bahagian Pengurusan Maklumat Bil.1 Tahun 2017: Penggunaan E-mel MyGovUC sebagai E-mel Rasmi bagi Semua Warga Kementerian Pendidikan Malaysia bertarikh 15 Februari 2017.

3. Sehubungan itu, semua warga KPM yang telah diberi akaun e-mel MyGovUC **DIWAJIBKAN** menggunakan e-mel rasmi tersebut untuk sebarang urusan rasmi. Namun begitu masih terdapat warga dan kakitangan di KPM yang masih tidak menggunakan e-mel tersebut.

4. Untuk pengetahuan YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan, e-mel yang tidak digunakan ini adalah dibayar pada setiap bulan oleh pihak kerajaan melalui MAMPU. Jumlah dan kos bagi e-mel yang tidak digunakan ini adalah sangat tinggi seperti di Lampiran A. Berdasarkan statistik, akaun e-mel yang tidak aktif di Bahagian, JPN, PPD dan sekolah di Seluruh Malaysia adalah sebanyak 53,729 akaun melibatkan pembayaran sebanyak RM840,858.85 sebulan. Ini merupakan satu pembaziran.

DITERIMA PADA

13 SEP 2018

SEKTOR PENGURUSAN
MAKLUMAT DAN ICT
JABATAN PENDIDIKAN
SARAWAK

5. Sehubungan dengan itu, bagi memastikan kos yang dikeluarkan oleh pihak Kerajaan ini tidak dibazirkan, merujuk kepada Pekeliling Transformasi Pentadbiran Awam Bil 3 Tahun 2017, melalui Garis Panduan Perkhidmatan Komunikasi Bersepadu Kerajaan MyGovUC yang dikeluarkan oleh pihak MAMPU, semua akaun yang didapati tidak aktif melebihi 90 hari akan dibatalkan untuk mengelakkan pembaziran.

6. Oleh itu, semua warga KPM yang diberi kemudahan emel untuk menggunakan emel tersebut. Sekiranya akaun emel yang tidak aktif masih terdapat sehingga 15 September 2018, Bahagian Pengurusan Maklumat sebagai pentadbir emel akan membatalkan semua akaun tersebut. Sebarang masalah berhubung perkara ini bolehlah merujuk kepada:

- i) **En. Mohd Noramin bin Md Arap**
(03-8884 3631, noramin.arap@moe.gov.my)
- ii) **En. Yusri bin Yusoff**
(03-8884 3764, yusri@moe.gov.my)

Kerjasama dan perhatian YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

Saya yang menurut perintah,



(MOHD AZHAN BIN MD AMIR)
Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan Pelajaran)
Kementerian Pendidikan Malaysia

s.k.:

Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia

Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia

Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)
Kementerian Pendidikan Malaysia

Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan
(Sektor Dasar dan Pembangunan Pendidikan)
Kementerian Pendidikan Malaysia

Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan
(Sektor Operasi Pendidikan)
Kementerian Pendidikan Malaysia

Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan
(Sektor Pembangunan Profesionalisme Keguruan)
Kementerian Pendidikan Malaysia

BAHAGIAN	TIDAK AKTIF MELEBIHI TIGA BULAN	AKAUN BERDAFTAR
Bahagian Akaun	23	211
Bahagian Audit Dalam	2	42
Bahagian Dasar dan Hubungan Antarabangsa	3	42
Bahagian Audit Sekolah	82	177
Bahagian Khidmat Pengurusan	62	171
Bahagian Kokurikulum dan Kesenian	0	44
Bahagian Pembangunan dan Penilaian Kompetensi	4	67
Bahagian Pembangunan Kurikulum	12	281
Bahagian Pembangunan Pelajaran	16	245
Bahagian Pendidikan Guru	8	122
Bahagian Pendidikan Islam	4	101
Bahagian Pendidikan Swasta	4	36
Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional	30	134
Bahagian Pengurusan Sek. Berasrama Penuh	11	93
Bahagian Pengurusan Sekolah Harian	5	148
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia	12	371
Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan	9	207
Bahagian Perolehan dan Pengurusan Aset	12	212
Bahagian Psikologi dan Kaunseling	0	39
Bahagian Sukan	6	70
Bahagian Tajaan Pendidikan	7	103
Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti	4	488
Lembaga Peperiksaan	81	366
Bahagian Buku Teks	2	174
Bahagian Kewangan	3	165
Bahagian Teknologi Pendidikan	6	2120
Bahagian Pengurusan Maklumat	27	222
Institut Aminuddin Baki	28	71
Institut Pendidikan Guru Malaysia	128	3264
Kolej Matrikulasi	16	3774
Jumlah	607	13,558
Jumlah Dibayar oleh Kerajaan untuk sebulan	607 x RM15.65 seunit =RM9,499.55	

JABATAN NEGERI	PENDIDIKAN	TIDAK AKTIF MELEBIHI TIGA BULAN	AKAUN BERDAFTAR
JPN Johor		17	415
JPN Kedah		12	406
JPN Kelantan		52	323
JPN Melaka		48	331
JPN Negeri Sembilan		5	316
JPN Pahang		57	338
JPN Perak		52	461
JPN Perlis		89	337
JPN Pulau Pinang		56	170
JPN Sabah		61	389
JPN Sarawak		114	332
JPN Selangor		40	431
JPN Terengganu		28	390
JPN WP Kuala Lumpur		26	368
JPN WP Labuan		34	112
JPN WP Putrajaya		8	80
Jumlah		699	5,209
Jumlah Dibayar oleh Kerajaan untuk sebulan		699 x RM15.65 seunit =RM10,939.35	

PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH	TIDAK AKTIF MELEBIHI TIGA BULAN	AKAUN BERDAFTAR
PPD Perak	248	614
PPD Selangor	162	820
PPD Pahang	134	583
PPD Kelantan	137	443
PPD Johor	44	812
PPD Kedah	81	571
PPD Melaka	18	179
PPD N.Sembilan	12	368
PPD P.Pinang	48	112
PPD Sarawak	378	738
PPD Sabah	421	852
PPD Terengganu	156	452
PPW Keramat	3	55
PPW Sentul	3	49
PPW Bangsar	12	84
Jumlah	1,857	6,732
Jumlah Dibayar oleh Kerajaan untuk sebulan	1,857 x RM15.85 seunit =RM28,749.05	

JPN/PPD/SEKOLAH	TIDAK AKTIF MELEBIHI TIGA BULAN	AKAUN BERDAFTAR
Bahagian	607	13,558
JPN	699	5,209
PPD	1,857	6,732
Sekolah	50,566	70,562
Jumlah	53,729	96,061
Jumlah Dibayar oleh Kerajaan untuk sebulan	53,729 x RM15.65 seunit = RM840,858.85	